

TRANSFORMASI PERANAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM ERA DIGITAL BERDASARKAN FALSAFAH IBNU KHALDUN: SATU SOROTAN LITERATUR

THE TRANSFORMATION OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS' ROLES IN THE DIGITAL ERA BASED ON IBN KHALDUN'S EDUCATIONAL PHILOSOPHY: A LITERATURE REVIEW

Mohd Mutawalli Sya'rawi Mohamad^{1*}

Fatin Nabilah Abdul Wahid²

Mohd Nor Mamat³

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
(E-mail: wallie.albakri@gmail.com)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
(E-mail: afatinna@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
(E-mail: mohdnoor@uitm.edu.my)

*Corresponding author: wallie.albakri@gmail.com

Article history

Received date : 25-8-2025

Revised date : 26-8-2025

Accepted date : 27-9-2025

Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Mohamad, M. M. S., Abdul Wahid, F. N., & Mamat, M. N. (2025). Transformasi peranan guru Pendidikan Islam dalam era digital berdasarkan falsafah Ibnu Khaldun: Satu sorotan literatur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 340 – 348.

Abstrak: Ledakan era digital yang dipacu oleh teknologi kecerdasan buatan (AI) pada masa kini telah mempengaruhi landskap pendidikan Islam secara drastik. Guru bukan sahaja berperanan sebagai penyampai ilmu semata-mata, malah turut bertanggungjawab membimbing pelajar dalam konteks pembelajaran digital yang dinamik dan semakin mencabar. Sorotan literatur ini membincangkan transformasi peranan guru Pendidikan Islam dengan memfokuskan falsafah pendidikan Ibnu Khaldun yang menekankan prinsip tadrib (latihan berperingkat), ta'dib (pembentukan adab) serta pembangunan pelajar secara holistik. Penekanan turut memfokuskan kepada lima elemen utama guru, iaitu murabbi, mursyid, muaddib, muallim dan mudarris dalam konteks pembelajaran abad ke-21 (PAK21) yang berasaskan teknologi. Ulasan ini melibatkan analisis kritikal terhadap literatur berkaitan peranan guru, pendidikan Islam, pemikiran Ibnu Khaldun serta isu-isu pendidikan digital semasa. Hasil sorotan menunjukkan keperluan kepada satu kerangka pemikiran yang lebih menyeluruh bagi membantu guru Pendidikan Islam menyesuaikan diri dengan cabaran kecerdasan buatan secara lebih beretika. Oleh itu, beberapa cadangan lanjut turut dikemukakan bagi memperkukuh kefahaman terhadap peranan guru Pendidikan Islam dalam era digital.

Kata Kunci: Guru Pendidikan Islam, Ibnu Khaldun, Era Digital, Kecerdasan Buatan, Pendidikan Holistik

Abstract: *The ongoing surge of the digital era, primarily driven by advancements in artificial intelligence (AI), has significantly influenced the landscape of Islamic education. In this evolving context, Islamic education teachers are expected not only to deliver knowledge but also to guide students through dynamic and increasingly demanding digital learning settings. This literature review explores the shifting roles of Islamic education teachers through the lens of Ibn Khaldun's educational philosophy, which emphasizes gradual learning (tadrib), character formation (ta'dib), and the holistic development of learners. The discussion is anchored on five core dimensions of teacher roles, namely murabbi, mursyid, muaddib, muallim, and mudarris, in relation to the demands of 21st-century learning (PAK21) within a technology-driven environment. A critical review of existing literature is undertaken, focusing on teacher responsibilities, Islamic education discourse, Ibn Khaldun's contributions, and current digital education challenges. The review findings reveal a growing need for an integrated conceptual framework to support Islamic educators in ethically navigating AI-related challenges. Consequently, several future recommendations are proposed to enhance the understanding and professional readiness of Islamic education teachers in addressing the realities of digital transformation.*

Keywords: *Islamic Education Teacher, Ibn Khaldun, Digital Era, Artificial Intelligence, Holistic Education*

Pengenalan

Ledakan era digital yang dipacu oleh kemajuan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) telah membawa perubahan signifikan terhadap landskap pendidikan global (Zawawi et al., 2021). Perubahan ini memberi kesan terhadap pendekatan pedagogi serta struktur pembelajaran, selain turut mempengaruhi kaedah penyampaian ilmu itu sendiri. Dalam konteks pendidikan Islam, cabaran yang dihadapi lebih kompleks kerana ia bukan sahaja melibatkan kemajuan teknologi, tetapi juga usaha untuk mengekalkan nilai, akhlak dan spiritual dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Al-Attas, 1991).

Guru berperanan penting dalam membentuk akhlak dan pengetahuan pelajar dalam Pendidikan Islam, selain menjadi contoh teladan yang baik kepada pelajar (Mohamad Zarkhuan Zainol, 2018). Ibnu Khaldun (1332 M – 1406 M), seorang tokoh pemikir Islam melalui karya agungnya *al-Muqaddimah*, mengemukakan pandangan yang mendalam mengenai peranan serta sifat-sifat yang perlu ada pada seorang pendidik bagi melahirkan pelajar yang berpengetahuan luas dan berakhlak terpuji (Mohd Zahirwan Halim, 2017). Namun begitu, dalam menghadapi kemajuan pesat teknologi hari ini, Pendidikan Islam berhadapan dengan cabaran untuk kekal relevan, selari dengan perkembangan pesat dunia digital yang penuh dengan teknologi seperti kecerdasan buatan dan pelbagai platform pembelajaran dalam talian. Penerapan teknologi seperti platform e-pembelajaran, sistem berasaskan AI dan bahan pengajaran interaktif memerlukan guru untuk bersedia dari sudut pedagogi dan falsafah. Namun begitu, dalam wacana pendidikan digital semasa, secara keseluruhannya masih terdapat kekurangan pendekatan yang menggabungkan keperluan abad ke-21 dengan nilai-nilai pendidikan Islam (Geoffrey & Marlissa, 2024).

Falsafah pendidikan Ibnu Khaldun menawarkan kerangka pemikiran yang masih relevan dalam mendepani cabaran era digital. Prinsip *tadrib* (latihan berperingkat), *ta'dib* (pembentukan adab) serta pembangunan insan secara holistik menjadi asas penting dalam menilai semula peranan guru hari ini (Ibnu Khaldun, 2005; Wan Mohd Nor, 1998). Kajian ini mengemukakan sorotan

literatur berasaskan falsafah Ibnu Khaldun untuk meneliti transformasi peranan guru Pendidikan Islam, khususnya melalui lima elemen utama yang digariskan iaitu *murabbi*, *mursyid*, *muaddib*, *muallim* dan *mudarris*. Mengintegrasikan teknologi dalam Pendidikan berupaya melahirkan masyarakat yang maju dan berdaya saing pada abad ke-21. Kajian ini memfokuskan bagaimana kelima-lima elemen tersebut dapat ditafsir semula dalam konteks pembelajaran digital masa kini yang berteraskan teknologi AI dan memberi sumbangan dalam memperkasakan sistem Pendidikan Islam untuk menghadapi cabaran pendidikan kini.

Kajian ini berpaksikan kepada kerangka pemikiran Ibnu Khaldun sebagaimana dihuraikan dalam *al-Muqaddimah*. Menurut beliau, pendidikan bukan hanya terbatas kepada proses penyampaian maklumat, tetapi berperanan sebagai wadah pembinaan insan dan pembentukan tamadun. Antara prinsip utama yang diketengahkan termasuklah kedudukan ilmu sebagai teras peradaban, keutamaan adab sebagai inti pendidikan, proses latihan secara berperingkat (*tadrib*), serta kepentingan hubungan sosial yang erat antara guru, murid dan masyarakat. Rumusan awal ini dijadikan asas konseptual dalam usaha menstrukturkan semula peranan guru Pendidikan Islam pada era digital. Lima kategori peranan guru iaitu *murabbi*, *mursyid*, *muaddib*, *muallim* dan *mudarris* dipilih sebagai kerangka utama untuk meneliti bagaimana peranan tradisional tersebut boleh ditafsir semula bagi menghadapi cabaran pendidikan digital yang memberi kesan kepada pembentukan makna diri, sistem nilai dan pandangan pelajar.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk sorotan literatur dan analisis kritikal dengan menekuni teks klasik Ibnu Khaldun di samping meneliti karya kontemporari yang membincangkan Pendidikan Islam dan transformasi digital. Hal ini bertujuan untuk meneliti dan menghubungkan peranan guru Pendidikan Islam dalam era digital berdasarkan falsafah pendidikan Ibnu Khaldun.

Sumber utama rujukan ialah karya agung Ibnu Khaldun, *al-Muqaddimah*, yang dianggap teks klasik penting dalam memahami falsafah ilmu dan prinsip asas pendidikan Islam. Analisis terhadap kitab ini tertumpu kepada topik yang berkaitan dengan peranan guru, konsep ilmu, pembentukan akhlak dan adab, serta interaksi sosial dalam proses pembelajaran. Prinsip-prinsip yang dikenal pasti daripada analisis ini kemudiannya dijadikan asas awal bagi membentuk kerangka konseptual kajian.

Di samping itu, kajian ini turut melibatkan penelitian terhadap literatur semasa yang membincangkan pendidikan Islam dan transformasi digital. Antara isu yang diteliti termasuk integrasi teknologi, penggunaan kecerdasan buatan, pembelajaran secara maya, literasi digital, serta etika penggunaannya dalam konteks pendidikan. Artikel akademik, buku, prosiding dan laporan penyelidikan terkini (2015-2025) yang diperoleh daripada pangkalan data seperti Scopus dan Google Scholar digunakan untuk meneliti bagaimana perubahan digital memberi kesan terhadap peranan guru Pendidikan Islam.

Proses analisis dilaksanakan dalam tiga peringkat. Pertama, *al-Muqaddimah* ditekuni secara tematik bagi mengenal pasti prinsip pendidikan yang diketengahkan oleh Ibnu Khaldun, antaranya ilmu sebagai asas tamadun, adab sebagai inti pendidikan, latihan secara beransur-ansur (*tadrib*) dan peranan hubungan sosial dalam pengajaran. Prinsip-prinsip tersebut dikodkan sebagai kategori awal. Kedua, kategori ini disusun semula dengan menggunakan kerangka lima peranan guru dalam tradisi Islam iaitu *murabbi*, *mursyid*, *muaddib*, *muallim* dan *mudarris*. Analisis dilakukan untuk melihat kesepadanan prinsip Ibnu Khaldun dengan kelima-

lima peranan ini, sebelum ditafsirkan dalam konteks pendidikan digital. Ketiga, perbandingan dibuat dengan literatur moden melalui kaedah sorotan bertema (*thematic review*). Dapatan kontemporari seperti konsep adab digital, pedagogi berasaskan teknologi dan kompetensi abad ke-21 digabungkan dengan prinsip klasik bagi menghasilkan tafsiran baharu tentang peranan guru Pendidikan Islam.

Dapatan Kajian

Dalam *al-Muqaddimah*, Ibnu Khaldun menekankan bahawa ilmu adalah kunci utama kepada kemajuan dan kestabilan sesebuah tamadun. Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa pendidikan merupakan satu keperluan asas yang mampu mengubah kehidupan seseorang individu ke arah yang lebih bermakna (Leni Erliana & Yeni Irma, 2024). Penguasaan ilmu dalam satu bidang memberikan peluang untuk memperluaskan pemahaman dalam bidang-bidang lain, yang mencerminkan sifat ilmu sebagai agen pemikiran dan latihan berfikir secara kritis. Pada masa kini, keupayaan untuk berfikir secara kritis sangat penting, terutamanya dalam dunia yang dipenuhi dengan teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI). Dalam konteks ini, individu yang memiliki kemahiran berfikir secara kritis akan dapat melaksanakan tugas dengan lebih efisien dan pada masa yang sama, menyumbang kepada kemajuan tamadun yang berdaya saing. Ibnu Khaldun juga menggariskan kepentingan pendekatan yang holistik dan sistematik dalam menguasai ilmu, yang kini boleh diperluas dengan memanfaatkan teknologi digital dan kecerdasan buatan untuk menghasilkan pemikiran yang lebih matang dalam menghadapi cabaran semasa.

1. *Murabbi*: Pembimbing Kerohanian dan Sahsiah

Dalam tradisi Islam, *murabbi* berperanan membentuk kerohanian dan akhlak pelajar melalui proses tarbiah yang menyeluruh. *Murabbi* diambil daripada kata dasar tarbiah yang bermaksud berkasih sayang, menjaga, mendidik ketika kecil sehingga menginjak dewasa (Muhamat Kawangit, 2014). *Murabbi* bermaksud guru yang menjaga, mencurahkan kasih sayang, mendidik dan memelihara fitrah individu serta memupuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri dengan dorongan yang beransur-ansur agar dapat berkembang dengan baik selaras dengan kematangan yang dilalui (Wan Ali Akbar et al., 2021). Konsep *murabbi* menekankan peranan guru sebagai individu yang mendidik jiwa, membimbing rohani dan sahsiah pelajar secara berterusan.

Dalam konteks digital, cabaran utama ialah bagaimana guru dapat menyampaikan nilai dan bimbingan spiritual melalui medium maya yang serba pantas dan kurang bersemuka (Muhammad Zulazizi, 2020). Falsafah Ibnu Khaldun menunjukkan betapa pentingnya proses pendidikan yang bertahap dan berasaskan hikmah dalam membentuk jiwa pelajar (Ibnu Khaldun, 2005). Sidek Baba (2006) menggariskan tujuh peranan guru sebagai *murabbi*, iaitu persediaan diri dengan ilmu, menjadi contoh teladan yang baik, menggunakan metodologi pengajaran yang sesuai, menyemai nilai murni dalam kalangan pelajar, berfikiran kreatif dan inovatif, serta mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif untuk menarik minat pelajar.

Oleh itu, guru sebagai *murabbi* perlu mencari pendekatan yang relevan untuk memastikan unsur mendidik dan membimbing tidak hilang dalam proses pengajaran digital (Rosnani, 2010). Dalam konteks ini, teknologi tidak menggantikan *murabbi*, malah ia membantu *murabbi* dalam memudahkan proses melaksanakan tugas seharian. Peranan *murabbi* adalah memastikan pelajar tidak terperangkap di dalam krisis identiti, sebaliknya membangunkan kekuatan spiritual yang memandu penggunaan teknologi secara beradab.

2. *Mursyid*: Pembimbing Arah Kehidupan

Mursyid merujuk kepada guru yang membimbing pelajar dalam menentukan arah hidup dan matlamat pembelajaran sebenar (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007). Dalam era di mana pelajar terdedah kepada pelbagai maklumat yang boleh mengelirukan, guru sebagai *mursyid* perlu memberi panduan moral, intelektual dan spiritual yang konsisten (Al-Attas, 1991).

Falsafah Ibnu Khaldun menggesa agar pendidikan bukan hanya berorientasikan pekerjaan atau kemahiran, tetapi juga membentuk keinsafan diri dan kesedaran terhadap tanggungjawab sebagai khalifah (Rosnani, 2010). Hal ini amat penting bagi mencapai tahap spritual yang tinggi kerana guru *mursyid* akan membimbing pelajar dalam menjalani proses penyucian jiwa dengan penuh hikmah bagi mendorong pelajar mengaplikasikan ilmu yang diperolehi dalam kehidupan seharian (Ab. Aziz Yusof, 2014).

Justeru, peranan *mursyid* dalam konteks pendidikan Islam digital memerlukan kebijaksanaan guru untuk mengimbangi antara fungsi teknologi dan hala tuju nilai dengan melibatkan diri dengan lebih aktif di dalam sosial media seperti *YouTube*, *Facebook*, *TikTok* dan bukan hanya aktif di dalam kelas dan masjid semata-mata, di samping melakukan tambah nilai serta berusaha memperbaiki tahap keimanan kepada Allah seiring dengan tugasnya. Hal ini bagi memupuk daya tahan spiritual serta mengukuhkan tujuan hidup berlandaskan syariat.

3. *Muaddib*: Pembina Adab dan Akhlak

Muaddib merupakan individu yang mendidik manusia agar berakhlak mulia (Ibrahim Anis et al., 1998). *Muaddib* juga berperanan membimbing, mengasuh serta membentuk akhlak dan tingkah laku pelajar (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007). Syed Muhammad Naquib al-Attas (2001) lebih cenderung menggunakan istilah *ta'dib* berbanding *tarbiah* apabila menghuraikan makna pendidikan dalam konteks bahasa Arab, menunjukkan ketegasan beliau terhadap aspek pembinaan adab sebagai teras utama pendidikan. Beliau berpandangan bahawa pendidikan sebagai proses pembentukan insan yang bertujuan untuk menghasilkan manusia yang baik. *Muaddib* berperanan membentuk adab dan akhlak pelajar terhadap ilmu, lebih-lebih lagi dalam interaksi digital bagi membolehkan pelajar memiliki kemampuan untuk menjalani kehidupan seharian. Dalam ekosistem digital hari ini, cabaran utama adalah defisit adab siber, termasuklah penggunaan bahasa kasar dalam talian, jenayah buli siber serta hilangnya rasa hormat dalam berinteraksi secara maya.

Ibnu Khaldun menekankan kepentingan *ta'dib* dalam pendidikan sebagai asas kepada pembangunan tamadun (Wan Mohd Nor, 1998). Guru sebagai *muaddib* perlu mendidik pelajar untuk beretika dalam penggunaan teknologi, cara berkomunikasi serta menjaga adab terhadap guru dan ilmu, walaupun dalam platform digital (Hamid & Yusof, 2020). Ini kerana tanpa adab dan ilmu yang mencukupi, teknologi boleh menjadi alat yang membinasakan seseorang individu. Dalam dunia tanpa sempadan yang kurang kawalan pada masa kini, proses membina dan membentuk adab pelajar amatlah mencabar. *Muaddib* tidak hanya mengajarkan apa yang sah, malah bagaimana cara beradab di ruang maya agar pelajar menjadi insan yang berakhlak sama ada dalam dunia nyata mahupun dunia digital.

4. *Muallim*: Penyampai Ilmu yang Sahih

Muallim ialah penyampai ilmu yang sistematik dan berpanduan autoriti. *Muallim* merujuk kepada individu yang memilih profesion mengajar dan diberikan kelayakan untuk mengajar dengan bebas (Ibrahim Anis et al., 1998). Sebagai *muallim*, guru berperanan menyampaikan ilmu dengan penuh tanggungjawab, bersistematik dan sesuai dengan konteks semasa. Dalam

era digital, terdapat lambakan maklumat yang tidak sahih, berita palsu dan fakta yang tidak tepat sehingga menimbulkan cabaran dalam menentukan kesahihahan dan kebenaran sesuatu ilmu. Justeru, guru perlu berperanan sebagai penapis dan penyampai maklumat yang benar, sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Attas (1991) bahawa ilmu mestilah menyampaikan kebenaran dan bukan sekadar maklumat.

Ibnu Khaldun juga menekankan bahawa ilmu perlu diajar secara berperingkat dan bersesuaian dengan tahap perkembangan akal pelajar (Ibnu Khaldun, 2005). Kepakaran yang ada pada *muallim* bukan sekadar pada penguasaan ilmu, bahkan juga kaedah menyampaikan ilmu secara berkesan (Wan Ali Akbar et al., 2021).

Oleh itu, pendekatan pengajaran perlu mengambil kira tahap kebolehan pelajar, literasi digital dan kecenderungan semasa (Geoffrey & Marlissa, 2024). Dalam konteks ini, peranan *muallim* bukan hanya sekadar menyampaikan ilmu yang sahih, malah perlu menjaga integriti ilmu dalam dunia tanpa sempadan ini supaya proses penyampaian ilmu akan menjadi lebih teratur.

5. *Mudarris*: Pelaksana Pengajaran Secara Berstruktur dan Terancang

Sebagai *mudarris*, guru bertanggungjawab menyusun strategi pengajaran dengan penuh sistematik dan berpandukan kurikulum yang ditetapkan. Dalam Pendidikan Islam kontemporari, peranan *mudarris* menuntut guru untuk mengintegrasikan teknologi secara berkesan dalam menyampaikan pengajaran (Zawawi et al., 2021). Pendidikan abad ke-21 (PAK21) menekankan pembelajaran kolaboratif, berpusatkan pelajar dan berasaskan kemahiran digital. Ibnu Khaldun menekankan bahawa proses pengajaran perlu dilaksanakan secara bertahap agar pelajar tidak keliru dan terbeban (Ibnu Khaldun, 2005).

Dalam era digital, *mudarris* berperanan menyusun bahan pengajaran dengan pemikiran yang kreatif dan kritis. Skop *mudarris* lebih bertumpu kepada aspek amalan pengajaran guru yang berkesan seperti berkemahiran dalam mempelbagaikan teknik pengajaran, bijak dalam menyesuaikan diri dengan suasana kelas, berkepakaran dalam bidang yang dipelajari dan bersifat profesional dalam membuat sesuatu keputusan. Justeru, guru perlu merancang aktiviti digital yang tidak hanya menarik, tetapi juga membina kefahaman mendalam kerana cabaran utama ialah bagi memastikan teknologi digunakan sebagai alat bagi memperkukuhkan pembelajaran, bukan sekadar hiasan semata-mata.

Jadual 1: Struktur Analisis Tematik Berdasarkan 5M dan Falsafah Ibnu Khaldun

Peranan Guru	Prinsip Ibnu Khaldun	Fokus Literasi Digital /AI	Isu Dikenalpasti	Cadangan Implikasi Pendidikan
<i>Murabbi</i>	<i>Tadrib</i> , hikmah, latihan secara berperingkat	Membimbing melalui e-platform	Kekurangan aspek spiritual dalam PdP digital	Integrasi modul bimbingan sahsiah dalam aplikasi pendidikan
<i>Mursyid</i>	Pendidikan sebagai proses kesedaran	Panduan kehidupan dalam ekosistem maklumat	Hilang panduan, mengejar keseronokan di alam maya, juga dikenali	Guru sebagai penasihat dalam dunia siber

			“hedonisme digital”	
<i>Muaddib</i>	<i>Ta'dib</i> sebagai asas ketamadunan	Penggunaan media sosial	Pelajar kekurangan adab digital	Penerapan modul adab dalam komunikasi siber
<i>Muallim</i>	Menyampaikan ilmu secara berperingkat dan kontekstual	Pemilihan sumber maklumat yang tepat dan sahih	Banyak maklumat palsu dan tidak tepat dalam internet	Pendekatan <i>blended learning</i> berasaskan autoriti ilmu
<i>Mudarris</i>	Strategi pengajaran secara bertahap	Rekabentuk pengajaran digital berasaskan AI	PdP kurang berstruktur	Proses PdP berasaskan nilai dan pengalaman

Sumber: Pengkaji (2025)

Analisis dan Perbincangan

Hasil sorotan literatur menunjukkan bahawa transformasi peranan Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam era digital wajar dilihat secara menyeluruh dan integratif. Peranan tradisional guru sebagai penyampai ilmu, atau *muallim*, tidak lagi mencukupi dalam ekosistem pembelajaran masa kini yang berasaskan teknologi, terbuka serta maya sepenuhnya. Perkembangan kecerdasan buatan (AI), penggunaan platform e-pembelajaran dan automasi digital menuntut guru untuk beradaptasi secara aktif dengan perubahan ini (Zawawi et al., 2021). Ini memandangkan guru Pendidikan Islam seringkali menggunakan pendekatan kaedah konvensional yang memfokuskan kepada pengajaran sehala, dimana elemen kreatif tidak digunakan sepenuhnya bagi menarik minat pelajar (Hafizhah & Harun, 2023). Hal ini menuntut guru menguasai kemahiran pedagogi digital dengan memahami dengan lebih mendalam literasi teknologi, di samping menyesuaikan strategi pengajaran agar relevan dengan dunia hibrid yang semakin berkembang pesat.

Falsafah pendidikan Ibnu Khaldun menyediakan asas yang kukuh bagi menstruktur semula peranan guru dalam era digital. Konsep *tadrib* (latihan bertahap), *ta'dib* (pembentukan adab) dan pembangunan pelajar secara holistik memberikan kerangka yang seimbang antara aspek rohani, intelek dan akhlak. Kelima-lima peranan utama guru yang terdiri daripada *murabbi*, *mursyid*, *muaddib*, *muallim* dan *mudarris* dilihat perlu diinterpretasi semula mengikut keperluan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) yang menekankan penguasaan teknologi, literasi nilai serta kemahiran berfikir aras tinggi (Geoffrey & Marlissa, 2024).

Sebagai *murabbi*, guru berperanan membimbing aspek rohani dan sahsiah pelajar dalam suasana pembelajaran digital yang sering kali bersifat mekanikal dan terpisah daripada dimensi spiritual. *Murabbi* berperanan membina identiti rohani dan spiritual pelajar dalam menghadapi krisis identiti digital. *Muaddib* berperanan mendidik etika siber dan tanggungjawab maya, manakala *muallim* berperanan sebagai penapis maklumat. Sebagai *muaddib* dan *muallim*, mereka perlu menyampaikan ilmu secara sahih dan membentuk adab pelajar terhadap ilmu serta penggunaan teknologi secara beretika. Sementara itu, peranan sebagai *mursyid* dan *mudarris* memerlukan guru untuk merancang pengajaran yang bersifat strategik dan bernilai, serta memberi panduan hidup yang bermakna kepada pelajar dalam dunia yang dipenuhi maklumat

bercampur, di samping mereka bentuk pembelajaran berteknologi yang interaktif. Penyesuaian ini menunjukkan bahawa GPI juga berperanan sebagai mentor digital dan fasilitator teknologi yang memerlukan keseimbangan antara nilai tradisional dan kemahiran moden.

Kesimpulan

Kajian yang dijalankan ini membuktikan bahawa transformasi peranan guru Pendidikan Islam dalam era digital tidak boleh hanya bergantung kepada kecekapan teknikal atau penguasaan alat digital semata-mata. Sebaliknya, ia menuntut satu pendekatan yang lebih menyeluruh, berasaskan nilai dan berpandukan hikmah. Falsafah pendidikan yang digariskan oleh Ibnu Khaldun memberikan kerangka yang jelas dalam menstruktur peranan guru secara holistik melalui prinsip *tadrib*, *ta'dib* dan pembangunan insan. Kajian ini menegaskan bahawa peranan guru bukan hanya bersifat teknikal, malah membuka ruang yang lebih luas kepada kelangsungan aspek pendidikan yang holistik dalam menghadapi cabaran teknologi kecerdasan buatan masa kini.

Kelima-lima peranan guru yang terdiri daripada *murabbi*, *mursyid*, *muaddib*, *mudarris* dan *muallim* perlu ditafsir dan dilaksanakan semula dalam ekosistem pembelajaran berasaskan teknologi. Dalam suasana pendidikan yang dipengaruhi oleh kecerdasan buatan (AI), budaya maklumat terbuka dan pembelajaran sendiri, guru bukan sahaja perlu celik digital tetapi juga bertindak sebagai pembimbing rohani, penjaga adab, penyusun ilmu dan pemberi hala tuju kepada pelajar.

Dapatan ini mengukuhkan keperluan kepada pembangunan kerangka pendidikan Islam yang bersifat integratif, dimana menggabungkan tradisi keilmuan Islam dengan cabaran pendidikan abad ke-21. Secara praktikal, ia boleh dijadikan asas dalam membina modul latihan guru dan mereka bentuk kurikulum Pendidikan Islam yang relevan dengan realiti digital. Hasil kajian ini memberikan sumbangan baharu kepada wacana akademik dalam Pendidikan Islam digital, di samping membuka ruang bagi kajian lanjutan untuk menilai kembali keberkesanan model holistik ini dalam pelbagai peringkat, termasuklah di peringkat rendah mahupun di institusi pondok.

Justeru, penghayatan semula falsafah Ibnu Khaldun dalam konteks era digital membuka ruang besar kepada transformasi sebenar guru Pendidikan Islam, bukan sahaja dalam dunia pendidikan yang semakin kompleks, malah elemen kemanusiaan mesti dipertahankan dalam era teknologi dan AI masa kini. Transformasi peranan GPI perlu direkabentuk semula sistem Pendidikan Islam agar relevan dan holistik dalam konteks digital.

Penghargaan

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia utama saya, Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Nor bin Mamat dan penyelia bersama, Dr Fatin Nabilah binti Abdul Wahid atas segala bimbingan, nasihat dan sokongan yang amat berharga sepanjang melaksanakan kajian ini. Sebagai pelajar Doktor Falsafah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), saya amat menghargai segala ilmu dan panduan yang telah diberikan dalam memastikan kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Terima kasih juga kepada ahli keluarga, rakan-rakan, serta semua pihak yang telah memberi dorongan dan sokongan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

Rujukan

- Ab. Aziz Yusof. (2014). *Pengurusan Pendidikan Islam: Mekanisme Transformasi Ummah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, S. M. N. (1991). *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. ISTAC.
- Geoffrey F. C. Lim, Norshamshizar Abdul Jalil, Dayang Suraya Awang Hidup & Marlissa Omar. (2024). *Pengintegrasian Teknologi dalam Pendidikan: Cabaran Guru*. International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics.
- Hafizhah Zulkifli & Harun Baharudin. (2023). *Kelestarian Pendidikan Rabbani*. Bangi: Penerbit UKM Press.
- Ibn Khaldun. (2005). *The Muqaddimah: An Introduction to History* (F. Rosenthal, Trans.). Princeton University Press.
- Ibrahim Anis, Abdul Halim Muntasir, Atiyyah as-Su al-Hay & Muhammad Khalfullah Ahmad. (1998). *Al-Mu'jam al-Wasit Edisi Ketiga*. Kaherah: Majma' al-Lughah al-Arabiyyah
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM.
- Khadijah Abdul Razak. (2022). *Model Latihan Guru Berasaskan Pendekatan Holistik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Leni Erliana, Yeni Irma Normawati. (2024). *Pemikiran Ibnu Khaldun Tentang Pendidikan Islam dan Relevansinya Dengan Pendidikan Islam Kontemporer*. Mauriduna, Journal of Islamic Studies.
- Muhamat Kawangit, R. (2014). *Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pengurusan Aktiviti Dakwah Di Sekolah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi. (2020). *Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Membawa Transformasi Terhadap Mobiliti Sosial Dalam Masyarakat*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin. 21(3): 178-188.
- Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Siti Mursyidah Mohd Zin, Kamarulnizam Sani & Asma' Abdul Halim. (2025). *Konsep Pendidikan Ibn Khaldun dan Amalan Pendidikan di Malaysia*. E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi. Selangor: Penerbit UIS.
- Rosnani, H. (2010). *Islamization of Knowledge: Problems, Principles and Prospects*. IIUM Press.
- Sidek Baba. (2006). *Pendidikan Rabbani*. Kuala Lumpur: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1998). *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization*. ISTAC.
- Zawawi, Z., Rahman, M. R. A., & Salleh, N. (2021). Artificial Intelligence and the Future of Teaching and Learning in Malaysia. *Asian Journal of Education and e-Learning*, 9(2), 55-62.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah. (2021). *Model Guru Pendidikan Islam Komprehensif*. ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J) Volume 4 (1) January 2021, 63-74. eISSN: 260